

Tahun Baru 2009: Cukai dan Ekonomi



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



TAHUN Baru 2009 telah menjelang tiba dan tahun 2008 telah meninggalkan pelbagai kenangan pahit dan manis untuk dijadikan contoh dan tauladan sebagai bekalan masa hadapan yang penuh cabaran. Kepada pembayar cukai yang telah didatangi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sama ada dengan tujuan penyiataan cukai atau audit cukai, pastinya merasa sedikit keperitan akibat aliran tunai hasil daripada penambahan bayaran cukai. Sempena Tahun Baru Maal Hijrah 1430 dan Tahun Baru 2009, kami menyeru kepada semua usahawan dan bakal usahawan supaya menjadikan subjek cukai sebagai sebahagian daripada agenda perbincangan utama dalam mesyuarat ahli lembaga pengarah dan diberi penekanan yang lebih penting.

Perspektif yang mengatakan cukai adalah sebahagian daripada kos perniagaan memang diakui kebenarannya. Ini terbukti apabila segala kos pematuhan (tax compliance cost) dan pembayaran cukai sendiri adalah satu kos dan perlu diurus dengan berhemah. Sementara itu sebagai satu objektif atau azam tahun baru untuk para usahawan, mereka patut bertekad untuk menjadikan pengurusan cukai mereka lebih baik daripada tahun sebelumnya. Isu-isu seperti terlewat membuat bayaran Sistem Taksiran Sendiri (STS) atau Potongan Cukai Berjadual (PCB), lewat mengemukakan borang retan

seperti B, BE, C dan R, mengurangkan pendapatan dan menambahkan perbelanjaan untuk tujuan perlarian cukai adalah perkara-perkara yang harus dielakkan kerana ia menyebabkan penalti atau kompaun dikenakan. Kita tidak mahu para usahawan terbabat dengan kes-kes yang melibatkan sekatan untuk keluar negara (ACP Seksyen 140) dan yang lebih serius lagi kes penyitaan aset-aset dan kebangkrutan.

Tahun 2009

Laporan media massa sama ada elektronik atau cetak mengenai perkembangan ekonomi bagi tahun

Perspektif yang mengatakan cukai adalah sebahagian daripada kos perniagaan memang diakui kebenarannya. Ini terbukti apabila segala kos pematuhan (tax compliance cost) dan pembayaran cukai sendiri adalah satu kos dan perlu diurus dengan berhemah

2009 adalah begitu membimbangkan. Ada pendapat yang mengatakan keadaan ekonomi akan menjadi lebih teruk menjelang suku ketiga 2009 dan ada pula pendapat yang mengatakan keadaan ekonomi akan pulih menjelang suku kedua 2010. Debat mengenai sama ada kemelut ekonomi akan kembali pulih atau sebaliknya adalah sesuatu yang subjektif dan sukar ditentukan kerana adalah rumit untuk kita mengandaikan apa yang akan berlaku pada masa akan datang.

Selain daripada Bajet 2009 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Pakej Ransangan Ekonomi yang telah dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam sesi pengumuman Bajet 2009, kerajaan secara proaktif telah menyatakan kesediaan untuk melancarkan pakej ransangan ekonomi yang lain untuk menangani kelembapan ekonomi. Kita beranggapan Malaysia mampu mengharungi keadaan ekonomi yang sukar ini. Kenyataan optimistik ini adalah berdasarkan kepada fakta-fakta sekitar tahun 2004 hingga 2008 kita tidak mengalami pertumbuhan ekonomi yang begitu tinggi melebihi enam peratus setahun. Pada masa itu juga tidak banyak pelaburan atau pembesaran perniagaan yang begitu agresif dibuat oleh para usahawan. Oleh itu impak kelembapan ekonomi adalah agak kecil kepada peniaga jika dibandingkan dengan krisis kewangan 1997 di mana pengembangan dan pelaburan perniagaan adalah begitu pesat sekali.

Dalam perspektif cukai, tahun 2009 menyaksikan pihak LHDN mengetatkan, memperkenalkan dan memperluaskan skop undang-undang cukai sedia ada. Contohnya LHDN telah memperkenalkan Perlaksanaan Penentuan Harga Awal (Advance Pricing Arrangement), memperkemaskan layanan cukai ke atas pindahan harga (transfer pricing) dan layanan cukai ke atas permodalan

terkurang (thin capitalisation). Di samping itu juga pihak LHDN telah mengetatkan syarat-syarat untuk insentif cukai ke atas elaun pelaburan semula (reinvestment allowance). Langkah-langkah yang diambil oleh pihak LHDN adalah bertujuan untuk menambahbaik sistem percukaian yang sedia ada dan di samping dapat mengelak salah faham tafsiran undang-undang percukaian.

Bagi usahawan, perubahan ini semestinya akan meningkatkan lagi *compliance cost* cukai dan ianya haruslah ditangani dengan teratur dan bijak.

Sempena Tahun Baru 2009 (dan sebagai rujukan kepada semua usahawan), kami ingin berkongsi kalendar percukaian 2009. 

BULAN	PERKARA
JANUARI	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Borang C dan R untuk Tahun Taksiran 2008 bagi akaun berakhir Oktober/November/Disember 2008. Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir April 2010. <ul style="list-style-type: none"> 10 Januari: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta. 30 Januari: Tarikh akhir bayaran keenam (CP500) Tahun Taksiran 2008. 31 Januari: Pengeluaran Am Borang E untuk Saraan bagi Tahun 2008.
FEBRUARI	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Am Notis Bayaran Ansuran (CP500) bagi Tahun Taksiran 2009. Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Mei 2010. <ul style="list-style-type: none"> 10 Februari: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta. 28 Februari: Pengeluaran Am Borang Nyata Cukai Pendapatan selain Syarikat/Koperasi/Badan Amanah Tahun Taksiran 2008.
MAC	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Jun 2010. <ul style="list-style-type: none"> 10 Mac: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta. 30 Mac: Tarikh akhir bayaran ansuran pertama (CP500) Tahun Taksiran 2009.
APRIL	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Borang C dan R untuk Tahun Taksiran 2009 bagi akaun berakhir Januari/Februari/Mac 2009. Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Julai 2010. Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah, Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta bagi semua tempoh perakaunan. <ul style="list-style-type: none"> 10 April: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta. 30 April: Tarikh akhir pengembalian Borang Nyata Tahun Taksiran 2008 bagi pembayar cukai Individu, Keluarga Sekutu Hindu, Pertubuhan dan Harta Pusaka yang tidak menjalankan perniagaan.
MEI	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Ogos 2010. <ul style="list-style-type: none"> 10 Mei: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta. 30 Mei: Tarikh akhir bayaran ansuran kedua (CP500) Tahun Taksiran 2009.
JUN	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Borang C1, TA, TC dan TR Tahun Taksiran 2009 untuk semua tempoh perakaunan. Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir September 2010. <ul style="list-style-type: none"> 10 Jun: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta. 30 Jun: Tarikh akhir pindaan CP500 Tahun Taksiran 2009. 30 Jun: Tarikh akhir pengembalian Borang Nyata Tahun Taksiran 2008 bagi pembayar cukai Individu, Keluarga Sekutu Hindu, Pertubuhan dan Harta Pusaka yang menjalankan perniagaan.

JULAI	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Borang C dan R untuk Tahun Taksiran 2009 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir April/Mei/Jun 2009. • Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Oktober 2010. <p>10 Julai: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta.</p> <p>30 Julai: Tarikh akhir bayaran ansuran ketiga (CP500) Tahun Taksiran 2009.</p> <p>31 Julai: Tarikh akhir pengembalian Borang C dan R Tahun Taksiran 2008 bagi Syarikat yang menutup akaun pada 31 Disember 2008.</p>
OGOS	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk bayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir November 2010. <p>10 Ogos: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta.</p>
SEPTEMBER	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2010 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Disember 2010. <p>10 September: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta.</p> <p>30 September: Tarikh akhir bayaran ansuran keempat (CP500) Tahun Taksiran 2009.</p>
OKTOBER	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Borang C dan R untuk Tahun Taksiran 2009 bagi akaun berakhir Julai/ Ogos/September 2009. • Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2011 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Januari 2011. <p>10 Oktober: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta.</p>
NOVEMBER	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2011 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Februari 2011. <p>10 November: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta.</p> <p>30 November: Tarikh akhir bayaran ansuran kelima (CP500) Tahun Taksiran 2009.</p>
DISEMBER	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Borang CP204 Tahun Taksiran 2011 untuk pembayar cukai Syarikat bagi akaun berakhir Mac 2011. <p>10 Disember: Tarikh akhir bayaran PCB oleh majikan dan bayaran ansuran anggaran cukai pembayar cukai Syarikat, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Unit/Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah/Tabung Amanah Harta.</p>

Penutup

Kami berharap artikel-artikel cukai yang lepas, sepanjang 2008 sedikit sebanyak dapat menjadi panduan untuk menambah baik lagi pengurusan cukai. Semoga para usahawan dapat mengoptimumkan segala layanan dan kemudahan cukai serta insentif yang telah diberi oleh pihak LHDN untuk tujuan meminimumkan risiko cukai mereka.

PERCUMA!

KLINIK CUKAI

Walk-in Consultation (setiap Jumaat)

- 9.00 pagi – 12.00 tengahari
- 2.00 petang – 5.00 petang

atau email: info@salihin.com.my (24 jam)

Sila hubungi untuk temujanji anda di talian 603 61874678 atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat